

1.0 PENDAHULUAN

Berdasarkan kepada seruan kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara dalam taman, satu program pembangunan landskap yang berkualiti dan menyeluruh untuk seluruh negara telah digubal. Dalam usaha mencapai matlamat tersebut, Pelan Induk Landskap telah dirangka untuk setiap Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negara.

Justeru itu, Pelan Induk Landskap Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) mengandungi pelbagai perancangan serta cadangan bagi pembangunan landskap dan dalam masa yang sama mengekalkan ciri-ciri semulajadi untuk pembangunan yang seimbang. Pelan Induk Landskap Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah meliputi keseluruhan kawasan pentadbiran di bawah Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah.

1.1 Peranan Dan Keperluan Pelan Induk Landskap

Perancangan landskap di kawasan MPJBT merupakan salah satu usaha ke arah melahirkan persekitaran dan suasana kawasan yang selesa, selamat dan keadaan alam sekitar yang bersih. Ciri-ciri fizikal landskap, alam semulajadi, kawasan rekreasi dan guna tanah dianalisa dan dirumuskan sebagai garis panduan semasa di dalam penyediaan Pelan Induk Landskap. Ianya perlu untuk memastikan setiap perancangan yang dibuat adalah bertepatan dengan kehendak dan keperluan masyarakat. Di samping itu ia bertindak sebagai asas rujukan bagi setiap perancangan pembangunan bagi MPJBT, agensi-agensi kerajaan dan swasta.


1.2 Kawasan Pelan Induk Landskap

Kawasan pentadbiran MPJBT meliputi kawasan seluas 338km persegi. Ianya di kelilingi oleh kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) di bahagian selatan, Majlis Perbandaran Kulai di bahagian utara, Majlis Daerah Kota Tinggi di bahagian timur, Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang di bahagian tenggara dan Majlis Daerah Pontian di bahagian barat. Pelan Induk Landskap telah dihasilkan berdasarkan kepada tujuh Blok Perancangan seperti berikut (Rujuk pelan 1.1).

- i. BP1- Skudai/Taman Impian Emas
- ii. BP2- Taman Tun Aminah/Mutiara Rini/Lima Kedai
- iii. BP3- Taman Perling/Taman Sutera
- iv. BP4- Taman Universiti/Kangkar Pulai/Ulu Choh
- v. BP5- Ulu Tiram/Desa Cemerlang/Taman Johor Jaya
- vi. BP6- Masai/Plentong
- vii. BP7- Gelang Patah/Nusajaya




Foto 1.1: Bangunan pentadbiran MPJBT yang tersergam indah di pusat bandar Skudai



PELAN INDUK LANDSKAP MAJLIS
PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH


Kawasan Blok Perancangan
Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah



PELAN 1.1

PETUNJUK

-  BP1- Skudai/ Tmn Impian Emas
-  BP2-Tmn Tun Aminah/Mutiara Rini/ Lima Kedai
-  BP3- Tmn Perling/Sutera
-  BP4- Tmn Universiti/ Pulaui/ Kangkar Pulaui/ Ulu Choh
-  BP5- Ulu Tiram/ Desa Cemerlang/ Tmn Johor Jaya
-  BP6- Masai/ Plentong/ Sri Alam
-  BP7- Gelang Patah/Nusajaya
-  Lebuhraya
-  Jalan Utama
-  Kawasan Majlis
-  Jalan Keretapi



Kawasan pentadbiran MPJBT terbahagi kepada 3 kawasan tumpuan utama iaitu Skudai, Ulu Tiram dan Masai-Plentong.

1.2.1 Skudai

Kawasan ini terletak 16km ke utara Bandaraya Johor Bahru dan merangkumi kawasan seluas 8,559 hektar. Ianya terletak di tengah-tengah pembangunan pesat daerah Johor Bahru dan terbahagi kepada kawasan-kawasan di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) iaitu seluas 6,647 hektar dimana merupakan sebuah kawasan penempatan dan institusi utama. Walau bagaimanapun pembangunan di sini banyak dibantu dengan pertumbuhan kawasan institusi seperti Universiti Teknologi Malaysia, Kolej Selatan dan Taman Teknologi Johor.

1.2.2 Ulu Tiram

Kawasan ini terletak 20km ke utara Bandaraya Johor Bahru yang merangkumi kawasan seluas 8,208 hektar. Ulu Tiram merupakan petempatan awal yang dari segi hierarkinya bertindak sebagai pusat perkhidmatan utama. Pada peringkat awal pembangunan, Bandar Ulu Tiram agak perlahan dan tumbuh secara semulajadi tanpa perancangan yang khusus. Walau bagaimanapun, berdasarkan pertumbuhan sektor ekonomi dan pembangunan yang pesat di Bandaraya Johor Bahru, Ulu Tiram mendapat kesan pembangunan yang ketara. Ulu Tiram menjadi salah satu kawasan penting untuk pembangunan perumahan dan industri bagi menampung permintaan pembangunan Bandaraya Johor Bahru.

1.2.3 Masai - Plentong

Kawasan Masai - Plentong terletak lebih kurang 25km ke timur Bandaraya Johor Bahru. Kawasan ini merangkumi seluas 2,630 hektar. Kawasan ini juga mendapat kesan pembangunan dari Bandaraya Johor Bahru dan Bandar Pasir Gudang. Tumpuan pembangunan lebih kepada penempatan dan kemudahan sosial.



Foto 1.2: Pemandangan di pusat bandar Skudai yang mempunyai landskap yang menarik.



Foto 1.3: Pemandangan di persimpangan utama menuju ke pusat bandar Ulu Tiram yang di hiasi dengan lampu jalan dan landskap yang menarik.



Foto 1.4: Koridor visual di pusat bandar Masai yang kekurangan elemen landskap.

1.3 Wawasan

Pelan Induk Landskap telah menggariskan wawasan iaitu :

‘MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH SEBAGAI BANDAR TEKNOLOGI DALAM TAMAN’

Wawasan MPJBT sebagai **Bandar Teknologi Dalam Taman** adalah berteraskan kepada sumberjaya semulajadi seperti topografi, badan air dan kawasan hijau serta digabungkan dengan fabrik bangunan sediada.

1.4 Matlamat Pelan Induk Landskap

Matlamat utama Pelan Induk Landskap adalah untuk merangka program yang komprehensif mengenai perancangan dan pelaksanaan landskap bagi jangka masa 10 tahun (2005-2015). Ia mencadangkan perancangan pembangunan landskap yang lebih bersepadu, seimbang dan harmoni yang disokong oleh kesinambungan kawasan hijau melalui rangkaian kemudahan landskap.

1.5 Objektif Pelan Induk Landskap

Objektif-objektif yang telah dikenal pasti adalah:

- i) Menenalpasti, mengkaji dan membuat cadangan berdasarkan kepada isu dan masalah landskap semasa di kawasan MPJBT.
- ii) Memastikan aspek landskap diambilkira dalam perancangan dan pembangunan dalam kawasan kajian bagi tempoh 10 tahun dari tahun 2005 hingga 2015.
- iii) Memandu MPJBT dalam merangka dan melaksanakan program pembangunan landskap yang komprehensif dan terancang.
- iv) Mempertingkatkan keberkesanan pengurusan landskap.
- v) Mewujudkan garis panduan, dasar dan strategi pembangunan masa depan dengan mengutamakan satu imej landskap yang berkualiti dan sesuai dengan peranan, fungsi dan matlamat MPJBT.

1.6 Rumusan

Kawasan pentadbiran MPJBT yang terbahagi kepada 7 Blok Perancangan adalah berdasarkan kepada keluasan, parameter pembangunan, lokasi, aksesibiliti, faktor fizikal dan justifikasi pembahagian zon kemudahan. Kawasan yang terpisah dengan kawasan pentadbiran MPJBT seperti Blok Perancangan 5 dan 6 tidak terkecuali dari pemerhatian pentadbiran dan pengurusan. Berdasarkan kepada pembahagian kawasan tersebut perancangan landskap yang sistematik dapat dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan. Kawasan-kawasan tersebut juga titik permulaan pembentukan konsep awal penyediaan pelan landskap keseluruhan. Walaubagaimanapun konsep yang dibentuk ini adalah berpandukan kepada matlamat, dan objektif yang telah digariskan agar hala tuju pembangunan landskap sejajar dengan kehendak MPJBT dan Landskap Negara.